



KOPERASI GREEN SABAH BERHAD (Rcs.6/59)

Lot B, Tingkat 1, Wisma Green, Batu 7, Jalan Labuk, Taman Rimba
90000 Sandakan, Sabah, Malaysia.

Tel : 089-660991 H/P : 014-6540991 Email : koperasigreensabah@yahoo.com

Laman Web : koperasigreen.my

Ruj : KGSB / UU / 200 – 4 / 1 / JILID.19 (A) [2024-05]

Tarikh : 02 September 2025

Semua Anggota Berdaftar,
Koperasi Green Sabah Berhad,
Seluruh Negeri Sabah.

Datuk/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KALI KE-26/2025 KOPERASI GREEN SABAH BERHAD

Perkara tersebut di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Datuk/Tuan/Puan adalah dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Kali Ke-26/2025 Koperasi Green Sabah Berhad pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 04 Oktober 2025 (Sabtu)

Masa Pendaftaran : 6.30 pagi – 9.00 pagi

Tempat : Dewan Hakka, Batu 6, Sandakan

AGENDA MESYUARAT :

1. Memilih Pengerusi Sementara dan Setiausaha Sementara;
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-25/2024 bertarikh 19 Oktober 2024;
3. Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan pandangan Suruhanjaya mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi;
4. Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, akaun teraudit subsidiari Koperasi, Syarikat Green Ladang Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, cadangan pembahagian keuntungan dan laporan Juruaudit Koperasi;


5. Menimbang dan meluluskan bajet tahunan tambahan bagi tahun 2024, bajet tahunan tambahan bagi tahun 2025 dan bajet tahunan bagi tahun kewangan 2026;
6. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota-Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada Anggota-Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah bagi subsidiari Koperasi;
7. Meluluskan Firma Panel Audit Luaran;
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi;
9. Menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi;
10. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang baginya suatu notis tidak kurang daripada **tujuh (7) hari dan boleh dikemukakan lebih awal** kepada Koperasi mengenainya;
11. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi ini;
12. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan daripada mana-mana anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga, dengan syarat suatu notis yang tidak kurang daripada **tujuh (7) hari dan boleh dikemukakan lebih awal** kepada Koperasi mengenainya;
13. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi perlantikan orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman;
14. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut kehendak Akta dan Peraturan;
15. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-26/2025 bertarikh 04 Oktober 2025; dan
16. Memilih Anggota-Anggota Lembaga Koperasi Green Sabah Berhad.

Bagi agenda (10) dan (12) di atas, sebarang usul atau aduan Tuan/Puan mestilah sampai kepada Setiausaha **tujuh (7) hari dan boleh dikemukakan lebih awal** sebelum tarikh MAT diadakan. Sebarang usul atau aduan yang lewat diterima dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Elaun kehadiran dan makan MAT adalah sebanyak RM350.00. Elaun hanya akan dibayar kepada anggota yang menghadiri sepenuhnya MAT dari mula sehingga mesyuarat ditangguhkan. Kerjasama Tuan/Puan adalah diperlukan untuk membawa bersama Kad Pengenalan semasa membuat tuntutan elaun kehadiran tersebut.

Sekian dan terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,



(MUSA BIN SALLEH)

Setiausaha

Koperasi Green Sabah Berhad

- s.k Semua Anggota Lembaga, Koperasi Green Sabah Berhad
- s.k Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Koperasi Green Sabah Berhad
- s.k Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sabah,
Tingkat 7, Menara MAA, Api-api Centre,
88814 Kota Kinabalu, Sabah.
- s.k Penolong Pengarah Kanan,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Sandakan,
Tingkat 4, Wisma Persekutuan Sandakan,
90007 Sandakan, Sabah.